

02 APR 2002

Mahathir-Ulama

PERPECAHAN DALAM ISLAM DISEBABKAN "ULAMA SONGSANG," KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata perpecahan yang terdapat dalam Islam adalah disebabkan oleh golongan yang disifatkannya sebagai "ulama songsang" yang membuat tafsiran yang salah mengenai ajaran Islam dan tidak mahu menerima teguran.

Perdana Menteri berkata apabila teguran dibuat terhadap ulama sedemikian, ulama yang berpolitik dan ulama yang gila kuasa mendakwa bahawa pengkritik yang menegur itu adalah anti ulama.

"Walaupun yang menegur ulama songsang ini mengiktiraf ulama lain yang tidak berkepentingan dan ulama-ulama yang terkenal dan diiktiraf dalam sejarah Islam, ulama songsang ini tetap mendakwa sesiapa yang menolak mereka sebagai anti ulama, anti semua ulama," katanya semasa menjawab soalan Datuk Fadzil Noor (PAS-Pendang) pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Dr Mahathir berkata ulama yang mempunyai kepentingan tertentu kerap membuat tafsiran agama yang menyokong kepentingan mereka.

Demikian juga, katanya, ulama yang berpolitik sanggup dengan sengaja menyalah-tafsirkan ajaran Islam untuk kepentingan politik dan mudah mengkafirkan orang Islam bukan kerana agama tetapi kerana politik.

Dr Mahathir berkata ulama politik jika ditegur akan melenting dan menuduh sesiapa yang menegur mereka sebagai anti ulama tetapi sebaliknya mereka boleh menegur ulama lain yang tidak sependapat dengan mereka, bahkan memanggil ulama lain "barua."

"Perbuatan mereka memperlekehkan ulama lain tidak dianggap oleh mereka sebagai bersikap anti ulama, anti Islam dan kafir," katanya.

Beliau berkata kerajaan sebenarnya ingin memelihara nama baik ulama kerana ulama adalah satu gelaran yang mulia untuk orang yang mulia.

Katanya orang yang mulia yang terpelajar dalam Islam tidak pernah menghina Tuhan tetapi terdapat di kalangan orang yang mendakwa mereka sebagai ulama dan pewaris Nabi yang sanggup menghina Tuhan dengan membuat pelbagai dakwaan.

"Apakah jika kita menegur orang ini bermakna kita anti ulama?" katanya.

Perdana Menteri berkata ucapannya pada Forum Ekonomi Dunia di New York bukanlah anti ulama seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak sehingga mengeluarkan buku untuk memburuk-burukkan namanya.

"Tetapi, (ucapan itu) anti ulama yang berkepentingan dalam sejarah Islam, ulama yang memecah-belahkan umat Islam sehingga mereka bermusuhan dan berperang, ulama songsang yang suka memaki hamun ulama lain dan memanggil mereka barua.

"Ulama songsang yang dengan sewenang-wenangnya mendakwa orang lain sebagai anti ulama, membuat soalan yang berbentuk tuduhan untuk kegunaan politik mereka," katanya.

Dr Mahathir turut berdoa kepada Allah S.W.T. supaya melindungi orang Islam daripada ulama songsang.

Semasa menjawab soalan tambahan Fadzil yang ingin tahu sama ada ucapannya di New York itu telah memerangkapkan dirinya dalam tindakan Barat untuk memecahkan umat Islam dan menjauhkan ulama daripada terus berperanan dalam pembangunan negara, Dr Mahathir berkata ucapannya itu tidak menyinggung orang lain khususnya ulama malah selepas membuat ucapan itu, ramai yang bangun termasuk pemimpin daripada negara Islam menyokong apa yang diucapkannya.

"Saya belum kena perangap dengan sesiapa bahkan Malaysia telah

diiktiraf oleh dunia sebagai negara yang berani menegur sesiapa saja yang berbuat salah termasuk kuasa besar," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau akan terus membuat kenyataan termasuk mengecam mereka yang berbuat salah dan akan menyokong mereka yang benar.

Fadzil dalam soalan tambahannya juga ingin tahu sama ada ucapan Dr Mahathir itu ibarat "meludah ke muka sendiri" kerana dalam Umno juga terdapat golongan ulama dan bahawa kenyataannya itu telah menyinggung pemerintah Iran yang merupakan ulama.

Pada kesempatan mengemukakan soalan itu, Fadzil turut menyatakan bahawa dalam peradaban Islam, ulama tidak terbahagi kepada ulama politik atau ulama bukan politik tetapi ulama dunia.

Perbuatan beliau itu menyebabkan beberapa anggota Parlimen khususnya penyokong kerajaan menarik perhatian dewan bahawa apa yang dikemukakan oleh Fadzil itu bukanlah satu soalan, sebaliknya ucapan.

Walaupun ditegur beberapa kali oleh Speaker Tun Mohamed Zahir Ismail bahawa soalan yang dikemukakan panjang dan sudah mencukupi, Fadzil terus juga berucap.

Dr Mahathir semasa menjawab berkata: "Inilah yang dimaksudkan ulama songsang, apabila dikehendaki membuat soalan, dia membuat ucapan."

Beberapa anggota pembangkang dari PAS yang nampaknya tidak berpuas hati dengan jawapan Dr Mahathir itu bangun dan cuba membuat teguran, tetapi anggota penyokong kerajaan pula turut bangun dan membantah sikap pembangkang.

Suasana dalam dewan yang kecoh itu menyebabkan Mohamed Zahir terpaksa mengetuk meja tiga kali untuk menenangkan suasana.

"Bertenanglah Yang Berhormat. Biarlah kita selesaikan perkara ini, kita ada kerja lain lagi yang perlu dibuat," katanya.

Ketika menyentuh mengenai golongan ulama dalam Umno, Dr Mahathir berkata mereka adalah golongan terpelajar dalam bidang agama dan memberikan pendapat berasaskan kepada ajaran Islam.

Dr Mahathir bagaimanapun terpaksa beberapa kali berhenti ketika menjawab kerana terus-terusan diganggu, sehingga Mohamed Zahir membuat teguran: "Tolong jaga sedikit... (tingkah laku) Yang Berhormat. Di sini Parlimen, tolonglah ya, kita dengar orang bercakap dan orang dengar kita bercakap."

Mengenai pembahagian ulama dunia dan ulama akhirat, Dr Mahathir berkata terserahlah kepada mana-mana pihak yang hendak memberi tafsiran kerana hakikatnya ada ulama yang betul-betul berpegang kepada ajaran Islam dan memberi tafsiran yang sebenar dan ada ulama yang kerana kepentingan politi mereka memberi tafsiran yang salah untuk menyokong pendirian mereka.

"Tidak salah untuk membahagikan ulama kepada bermacam jenis dan hanya beberapa orang membahagikannya kepada ulama dunia dan ulama akhirat, itu hak mereka. Hak saya adalah untuk membahagikan ulama politik dan bukan politik yang terdapat di negara kita," katanya.

Kehadiran Dr Mahathir untuk menjawab pertanyaan lisan hari ini digunakan sepenuhnya oleh anggota Parlimen untuk mengemukakan soalan. Bagi soalan ini sahaja empat soalan tambahan yang "agak panjang" dibenarkan.

Ketika menjawab soalan Wan Junaidi Tuanku Jaafar (BN-Batang Lepar) sama ada kerajaan akan membuat istilah siapakah ulama, Dr Mahathir berkata ulama pada zaman dahulu tidak dikenali kerana pakaiannya, ijazah atau persatuan yang dianggotai.

Sebaliknya mereka diiktiraf sebagai ulama kerana ilmu dan kebanyakan daripada mereka adalah yang sudah berumur dan mempunyai pengalaman yang begitu luas tanpa pengiktirafan secara rasmi, berbeza dengan zaman sekarang yang lebih ditonjolkan dengan cara berjubah dan berketayap serta menjadi anggota persatuan tertentu, katanya.

Mengenai soalan Datuk Mustafa Ali (PAS-Dungun) yang ingin tahu mengapa

Dr Mahathir sering berkata ulama politik menolak pendidikan selain agama, Perdana Menteri berkata ia adalah kerana kenyataan yang sering mereka buat bahawa mempelajari bidang lain daripada agama adalah sekular.

Sebaliknya, katanya, dalam sejarah Islam orang yang dikenali sebagai ulama tidak menolak pelajaran yang tidak khusus dengan agama sehingga ada ulama yang pakar dalam matematik, astronomi dan sains.

Dr Mahathir berkata umur bukanlah satu ukuran untuk seseorang itu boleh dianggap ulama, tetapi pada masa ini mereka yang baru keluar universiti pun digelar ulama hanya kerana ia menyertai persatuan tertentu.

"Kalau umur 100 tahun pun, kalau bukan ulama bukanlah ulama, tetapi umur itu biasanya tinggilah, dan tidak semua yang pakai jubah dan serban adalah ulama," katanya.

-- BERNAMA

HS HS NMO